

TALKING POINT BRIGIDIER JENARAL DATO' PROF DR.
KAMARUDIN HUSSIN SEMPENA KEJOHANAN BADMINTON
TERTUTUP UNIMAP PADA 17 JANUARI 2009 JAM 5.30
PETANG DI DEWAN BADMINTON PERSATUAN BADMINTON
PERLIS.

- Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadhrat Allah SWT kerana dengan izin inayahnya dapat kita semua berkumpul bersama-sama pada petang ini untuk menjayakan satu lagi program iaitu Kejohanan Badminton Tertutup UniMAP.

- Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua ahli jawatankuasa yang bertungkus lumus memastikan kelangsungan kejohanan badminton pada petang ini. Sesungguhnya, komitmen dan kerjasama anda amat saya hargai.

- Walaupun saya percaya ramai antara kita yang masih lelah dengan program jalan kaki lasak dan bantahan aman terhadap keganasan Israel pagi tadi, tetapi atas semangat yang tinggi, kita terus mengenyepikan rasa penat dan letih untuk menjayakan program yang dianjurkan oleh Kelab Badminton UniMAP ini.

- Sesungguhnya, saya amat menyokong penuh pengajuran program seperti ini, kerna ia bukan sahaja mampu melahirkan badan yang sihat dan cergas, tetapi dapat melahirkan modal insan yang cerdas fizikal dan minda selain mengeratkan hubungan dikalangan staf dan pelajar melalui aktiviti sukan.

- Saya percaya, melalui penganjuran program seperti ini bukan sahaja sebahagian daripada usaha menyokong kempen cara hidup sihat, tetapi disebalik itu ia turut membantu UniMAP untuk mengenalpasti pemain-pemain yang berpotensi di kalangan pelajar dan staf untuk mewakili UniMAP pada mana-mana kejohanan sukan di peringkat negeri atau nasional.

- UniMAP tahun lalu, telah muncul juara keseluruhan SUKAN STAF IPTA KE-33 di UniMAS Sarawak. Namun pasukan badminton kita telah menjejakkan kaki ke peringkat akhir namun hanya mampu berpuas hati dengan pingat perak.

- Justeru, saya mengharapkan tahun ini, kita mampu muncul johan bagi kategori badminton melalui bakat-bakat baru yang dicungkil melalui kejohanan seperti ini ditambah dengan kekuatan pemain professional yang

telah miliki seperti Muhamad Hafiz Hashim, yang berstatus pemain badminton negara.

- Saya difahamkan, hampir 100 penyertaan diterima bagi kejohanan pada kali ini, iaitu lebih 65 penyertaan beregu lelaki, 11 beregu wanita, 13 beregu veteran dan 13 perseorangan lelaki. Tahniah dan syabas untuk Kelab Badminton UniMAP.
- Sebelum saya mengakhiri ucapan pada petang ini, sukalah saya mengingatkan semua peserta agar mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan dan saya amat berharap agar tidak berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini.
- Jagalah imej Universiti walau di mana anda berada. Kepada pasukan yang mungkin tewas, terimalah kekalahan dengan hati terbuka.
- Dengan lafaz bismillahirmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Kejohanan Badminton Tertutup UniMAP.
- Sekian, Majulah Sukan Untuk Negara. Wassalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh.